

DW 4.7: Cadangan Penternakan Tiram

Cadangan penternakan tiram merupakan aktiviti perikanan secara komersial yang berpotensi dijalankan khususnya di sepanjang perairan di dalam Daerah Muar dan Daerah Tangkak.

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Mewujudkan sumber ekonomi baru dan meningkatkan pendapatan kepada pengusaha penternakan tiram.
- Permintaan tiram di pasaran juga agak tinggi terutama bagi memenuhi permintaan pemain industri hotel tempatan dan restoran makanan laut.
- Berpotensi mewujudkan kawasan penyelidikan tiram dan menawarkan aktiviti ekopelancongan.

Komponen Cadangan:

- Terdapat empat jenis tiram yang menjadi pilihan untuk diternak di Malaysia - *Crassostrea*, *Saccostrea*, *Ostrea* dan *Hytotissa*.
- Tiram jenis *Crassostrea* merupakan spesies utama yang diternak secara komersial.
- Rakit ternakan tiram yang biasanya digunakan berbentuk empat (4) segi, saiznya mengikut keperluan.
- Kayu melintang digunakan untuk menggantung tali pemungut benih atau bakul untuk menternak tiram.
- Pelampung 'Styrofoam' dan plastik biasa digunakan untuk membina rakit.
- Kaedah ternakan yang biasa diusahakan secara komersial adalah dengan menggunakan rakit.
- **Kajian mengesyorkan kajian lanjutan berkaitan perlu dijalankan bagi mengenal pasti keberkesanan aktiviti penternakan tiram di kawasan cadangan.**

Kaedah Pelaksanaan:

- Kerjasama awam dan swasta (Jabatan Perikanan dan Pemilik Pengusaha).



Foto: Tiram yang mempunyai permintaan tinggi dari hotel-hotel ternama dan restoran makanan laut.

Sumber: Laman web kakitravel.net

CADANGAN LOKASI

Lokasi cadangan penternakan tiram di sekitar Sg. Muar dan Perairan Selat Melaka

Daerah	Lokasi
Muar & Tangkak	Cadangan di sekitar Sg Muar dan Perairan Selat Melaka

AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perikanan • Swasta • Pengusaha 	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perikanan • Swasta • Pengusaha

ANGGARAN KOS

- Peruntukan bagi kos pembinaan dan penyelenggaraan = RM 1,000,000 bagi setiap cadangan.
- Cadangan lima (5) lokasi baru ternakan tiram.

Jumlah Keseluruhan Kos: RM 5,000,000

FASA PELAKSANAAN



Info Ringkas

- Tiram hidup dengan cara melekat pada substrat seperti cangkerang tiram, siput-siput, akar bakau, batu-batu dan benda-benda keras yang tenggelam.
- Tiram biasanya didapati dalam air yang salinitinya antara 15-32 ppt. Tiram dewasa boleh hidup beberapa hari di dalam air yang salinitinya menurun sehingga ke kadar sifar. Benih-benih tiram akan mati bila mengalami perubahan saliniti mendadak seperti di musim tengkujuh.
- Suhu biasa air bagi habitat tiram ini 28-30.5°C, kecuali pada musim tengkujuh di mana suhunya lebih rendah. Perbezaan air semasa pasang surut lebih kurang 1.5 meter.

Kriteria Kawasan Cadangan

Pemilihan tapak yang sesuai untuk ternakan tiram ialah yang mempunyai faktor-faktor seperti berikut:

- Kawasan terlindung dari angin yang kuat
- Perubahan air pasang surut antara 1.0-1.5 m
- Dasar tidak mempunyai lumpur yang tebal
- Saliniti air antara 15-30 ppt
- PH air antara 6.5-8.5



Penanda Aras

Bakau Hijau (Sungai Merbok di Sungai Petani, Kedah) mengusahakan penternakan tiram dengan memiliki tujuh buah sangkar dengan anggaran 160,000 tiram.

Penternakan tiram

- Memelihara benih tiram
- Membuat sangkar
- Menyediakan kawasan tertutup untuk tiram bagi memantau anak tiram
- Penjagaan kualiti air agar tidak tercemar
- Sebiji tiram yang matang mengambil masa selama tujuh (7) bulan hingga satu (1) tahun
- Jualan tiram dengan harga RM5 sebiji




Foto: Kaedah penternakan tiram.
Sumber: Laman web kakitravel.net



Foto: Aktiviti dan proses penternakan kehidupan yang bernilai ini juga berpotensi menarik perhatian pelancong sehingga ke peringkat antarabangsa.

Sumber: Laman web kakitravel.net

Rajah 4.47: Cadangan Zon Akuakultur Daerah Muar



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

PETUNJUK:

- | | | | |
|-----------------------|--------------------|--|--|
| ● Jeti Nelayan | 11 - Parit Raja | □ (Blue dashed) Zon Ternakan Udang Harimau | ● (Pink) Taburan Kampung Daerah Muar |
| 1 - Sarang Buaya | 12 - Parit Keroma | □ (Orange dashed) Zon Ternakan Kupang | ▨ (Blue hatched) Sempadan Bandar (UGB dan UCB) |
| 2 - Sungai Balang | 13 - Parit Sakai | □ (Purple dashed) Zon Ternakan Kerang | ▨ (Red hatched) Sempadan Fasa 3 (Johor Utara) |
| 3 - Sungai Pulai | 14 - Parit Perupok | □ (Pink dashed) Zon Ternakan Tiram | ▨ (Blue dashed) Sempadan Daerah |
| 4 - Sri Menanti | 15 - Bentayan | ▨ (White) Kawasan Kolum Air Payau | ▨ (Red dashed) Sempadan Negeri |
| 5 - Parit Kedondong | 16 - Parit Tiram | | ▨ (Green dashed) Lebuh Raya PLUS |
| 6 - Parit Jawa | 17 - Jalan Ismail | | ▨ (Yellow dashed) Rangkaian Jalan Raya |
| 7 - Parit Kasim | 18 - Sabak Awan | | ▨ (Black dashed) Laluan Kereta Api |
| 8 - Parit Unas | 19 - Simpong Baba | | ▨ (Light blue) Laut |
| 9 - Parit Amat | 20 - Bukit Treh | | |
| 10 - Parit Amal | | | |

🐟 Akuakultur